

Memorandum

No. Ruj. : USM. 38/3 Jld. III

Tarikh : 30 Oktober 2025

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 52 TAHUN 2025

- MENGHADKAN LAWATAN KE LUAR NEGARA KEPADA URUSAN YANG PENTING

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada **Hebahan Pendaftar Bil. 9 Tahun 2025** bertarikh 6 Februari 2025 - **Garis Panduan Permohonan Kelulusan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Tugas Rasmi Bagi Pegawai Universiti Awam (UA), Badan Berkanun Persekutuan (BBP) Dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) Di Bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Surat Edaran Rujukan : KPT.KSU.100-9/2/7 Jld. 2 (12) bertarikh 17 Oktober 2025 - Menghadkan Lawatan Ke Luar Negara Kepada Urusan Yang Penting**, YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan dimohon **mengambil perhatian** mengenai peraturan terkini yang perlu dipatuhi berkaitan lawatan ke luar negara seperti berikut :

- (a) menghadkan lawatan ke luar negara kepada **urusan yang benar-benar perlu sahaja**;
- (b) memastikan bilangan staf **tidak melebihi empat (4) orang** bagi setiap perjalanan/lawatan rasmi ke luar negara;
- (c) mendapat **kelulusan oleh Naib Canselor** bagi permohonan yang menggunakan peruntukan selain sumber kerajaan sebelum memulakan perjalanan ke luar negara; atau
- (d) mendapat **kelulusan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** bagi permohonan yang menggunakan sumber kerajaan sebelum memulakan perjalanan ke luar negara.

3. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan dalam mematuhi perkara ini amatlah dihargai.

4. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

...2/-



HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 52 TAHUN 2025

- MENGHADKAN LAWATAN KE LUAR NEGARA KEPADA URUSAN YANG PENTING

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Bendahari

Penasihat Undang-Undang